

31/03/2000

PM rasmi sidang perniagaan Asean 2000

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Kemuncak Perniagaan Asean 2000 bertajuk Asia 2000 - Menuju Ke Hadapan yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 11 hingga 12 April ini.

Persidangan itu adalah anjuran bersama Dewan Perniagaan dan Industri Asean (Asean CCI) serta Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan (NCCIM).

Perdana Menteri turut dijadual mengendalikan dialog yang antara lain menyentuh pentingnya acara itu sebagai tapak bagi usahawan membincangkan strategi dan inisiatif yang diperlukan Asean dan Asia dalam menghadapi ekonomi baru, teknologi, masyarakat, serta realiti dari segi geopolitik di abad ini.

Pengerusi Kemuncak Perniagaan Asean, Datuk Paul Low, berkata persidangan kali ini mendapat sambutan menggalakkan dari semua pihak terutama yang terlibat dalam sektor keusahawanan di rantau Asean dan Asia.

Low berkata, pihaknya menerima sumbangan daripada Southern Bank Berhad (SBB) bernilai RM75,000 sebagai tanda sokongan padu mereka terhadap usaha pihak terbabit menganjurkan acara yang bertaraf antarabangsa itu.

"Kami mensasarkan penyertaan meliputi ketua eksekutif, pengerusi, naib presiden, dan eksekutif kanan yang bertanggungjawab membangunkan, mengurus, mengarah dan melaksanakan strategi bagi pasaran Asean dan Asia," katanya selepas penyerahan cek oleh SBB di Kuala Lumpur semalam.

Persidangan terbabit akan membincangkan tajuk hubungan Asean dan Afta, kemampuan Asean menyesuaikan diri dengan perubahan ke arah ekonomi pengetahuan (k-ekonomi) dan lebih intensif dari segi teknologi.

(END)